

**D.R. 57/2024**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Kanun Keseksaan.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

**1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) (No. 2) 2024.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

**Seksyen baharu 507B, 507C, 507D, 507E, 507F dan 507G**

**2.** Kanun Keseksaan [*Akta 574*] dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 507A seksyen yang berikut:

**“Causing harassment, distress, fear or alarm**

**507B.** Whoever, in any manner or by any means, uses or makes any threatening, abusive or insulting words or communication, or engages in any threatening, abusive or insulting act, with intent to cause, or knowing or ought to know that the

words, communication or act are likely to cause harassment, distress, fear or alarm to a person, shall be punished with imprisonment for a term which may extend to three years or with fine or with both.

**Causing harassment, distress, fear or alarm to a person likely to feel harassed, distressed, fear or alarmed**

**507c.** (1) Whoever, in any manner or by any means, uses or makes any threatening, abusive or insulting words or communication, or engages in any threatening, abusive or insulting act, and such words, communication or act are heard, seen or otherwise perceived by a person who is likely to feel harassed, distressed, fear or alarmed by such words, communication or act, shall be punished with imprisonment for a term which may extend to one year or with fine or with both.

(2) It shall be a defence to a charge against a person under this section if it is proved that he had no reasonable grounds to believe that the words or communication used or made by him, or his act, would be heard, seen or otherwise perceived by a person who was likely to feel harassed, distressed, fear or alarmed by such words, communication or act.

**Causing a person to believe that harm will be caused**

**507d.** (1) Whoever, in any manner or by any means, uses or makes any threatening, abusive or insulting words or communication against any person, or engages in any threatening, abusive or insulting act towards any person, with intent to cause, or knowing or ought to know that the words, communication or act will cause the person to believe that harm will be caused to himself or to any other person, shall be punished with imprisonment for a term which may extend to one year or with fine or with both.

(2) Whoever, in any manner or by any means, uses or makes any threatening, abusive or insulting words or communication against any person, or engages in any threatening, abusive or insulting act towards any person, with intent to provoke the person to cause harm to himself or to any other person, or

knowing or ought to know that the words, communication or act are likely to provoke the person to cause harm to himself or to any other person, shall be punished with imprisonment for a term which may extend to one year or with fine or with both; and if the person so provoked attempts to commit suicide or commits suicide as a result of such provocation, be punished with imprisonment for a term which may extend to ten years or with fine or with both.

**Publishing, etc., any identity information to cause harassment, distress, fear or alarm**

**507E.** Whoever, in any manner or by any means, publishes, circulates or makes available or causes to be published, circulated or made available, any identity information of a person with intent to cause, or knowing or ought to know that the publication, circulation or availability is likely to cause harassment, distress, fear or alarm to the person, shall be punished with imprisonment for a term which may extend to three years or with fine or with both.

***ILLUSTRATION***

A, feeling upset after ending his relationship with Z who cheated on him, decides to take revenge on Z by posting online, without Z's consent, intimate photos of Z. Z is likely to feel distressed. A has committed the offence defined in this section.

**Publishing, etc., any identity information to cause a person to believe that harm will be caused**

**507F.** (1) Whoever, in any manner or by any means, publishes, circulates or makes available or causes to be published, circulated or made available, any identity information of a person with intent to cause, or knowing or ought to know that the publication, circulation or availability will cause the person to believe that harm will be caused to him or to his related person, shall be punished with imprisonment for a term which may extend to one year or with fine or with both.

(2) Whoever, in any manner or by any means, publishes, circulates or makes available or causes to be published, circulated or made available, any identity information of a person with intent to facilitate, or knowing or ought to know that the publication, circulation or availability is likely to facilitate, the causing of harm to the person or to his related person, shall be punished with imprisonment for a term which may extend to one year or with fine or with both.

#### *ILLUSTRATIONS*

(a) A puts up posters in Z's neighbourhood with Z's photo saying that Z is a scammer and someone should teach Z a lesson. Z believes that he will be harmed. A has committed the offence defined in this section.

(b) Z owes a sum of money from a loan shark and goes missing with his family. A knows about Z's loan with the loan shark. A also knows about Z and his family's whereabouts. A posts about Z's whereabouts on Z's social media account. A does this knowing that he will facilitate the causing of harm to Z or his family by the loan shark. A has committed the offence defined in this section.

#### **Definitions of “harm”, “identity information” and “related person”**

**507G.** (1) For the purposes of sections 507D and 507F, “harm” means harm to a person’s body, mind, reputation or property, including psychological harm.

(2) For the purposes of sections 507E and 507F, “identity information” means any information that identifies or purports to identify a person.

(3) For the purposes of section 507F, “related person” means, in relation to a person, any person whose safety or well-being would reasonably be expected to be of concern of the first-mentioned person.”.

## HURAIAN

Rang Undang-Undang Kanun Keseksaan (Pindaan) (No. 2) 2024 bertujuan untuk meminda Kanun Keseksaan (“Akta 574”) untuk menangani secara khusus isu mengenai buli yang dilakukan dalam apa-apa cara atau melalui apa-apa kaedah termasuk secara dalam talian. Oleh itu, Akta yang dicadangkan akan mengadakan peruntukan bagi kesalahan berkaitan buli iaitu, antara lain, kesalahan menyebabkan gangguan, distres, ketakutan atau kebimbangan, dan kesalahan menyiarkan maklumat identiti yang menyebabkan gangguan, distres, ketakutan atau kebimbangan kepada seseorang.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 507B, 507C, 507D, 507E, 507F dan 507G ke dalam Akta 574.

Seksyen baharu 507B yang dicadangkan bertujuan untuk menjadikan suatu kesalahan bagi mana-mana orang yang, dalam apa-apa cara atau melalui apa-apa kaedah, menggunakan atau membuat apa-apa perkataan atau komunikasi yang mengugut, menghina atau mencela, atau melakukan perbuatan mengugut, menghina atau mencela, dengan niat untuk menyebabkan, atau dengan mengetahui atau patut mengetahui bahawa perkataan, komunikasi atau perbuatan itu berkemungkinan menyebabkan gangguan, distres, ketakutan atau kebimbangan kepada orang itu. Hukuman bagi kesalahan yang dicadangkan itu ialah pemenjaraan bagi suatu tempoh yang boleh dilanjutkan hingga tiga tahun atau denda atau kedua-duanya.

Seksyen baharu 507C yang dicadangkan bertujuan untuk menjadikan suatu kesalahan bagi mana-mana orang yang, dalam apa-apa cara atau melalui apa-apa kaedah, menggunakan atau membuat apa-apa perkataan atau komunikasi yang mengugut, menghina atau mencela, atau melakukan apa-apa perbuatan mengugut, menghina atau mencela, dan perkataan, komunikasi atau perbuatan itu didengari, dilihat atau selainnya ditanggap oleh seseorang yang berkemungkinan berasa terganggu, distres, takut atau bimbang dengan perkataan, komunikasi atau perbuatan itu. Hukuman bagi kesalahan yang dicadangkan itu ialah pemenjaraan bagi suatu tempoh yang boleh dilanjutkan hingga satu tahun atau denda atau kedua-duanya.

Subseksyen baharu 507D(1) yang dicadangkan bertujuan untuk menjadikan suatu kesalahan bagi mana-mana orang yang, dalam apa-apa cara atau melalui apa-apa kaedah, menggunakan atau membuat apa-apa perkataan atau komunikasi yang mengugut, menghina atau mencela terhadap mana-mana orang, atau melakukan apa-apa perbuatan mengugut, menghina atau mencela terhadap mana-mana orang, dengan niat untuk menyebabkan, atau dengan mengetahui atau patut mengetahui bahawa perkataan, komunikasi atau perbuatan itu akan menyebabkan orang itu percaya bahawa kemudaratan akan menimpa dirinya atau orang lain. Hukuman bagi kesalahan yang dicadangkan itu ialah pemenjaraan bagi suatu tempoh yang boleh dilanjutkan hingga satu tahun atau denda atau kedua-duanya.

Subseksyen baharu 507D(2) yang dicadangkan bertujuan untuk menjadikan suatu kesalahan bagi mana-mana orang yang, dalam apa-apa cara atau melalui apa-apa kaedah, menggunakan atau membuat apa-apa perkataan atau komunikasi yang mengugut, menghina atau mencela terhadap mana-mana orang, atau melakukan perbuatan mengugut, menghina atau mencela terhadap mana-mana orang, dengan niat untuk memprovokasi orang itu untuk menyebabkan kemudaratan kepada dirinya atau kepada mana-mana orang lain, atau dengan mengetahui atau patut mengetahui bahawa perkataan, komunikasi atau perbuatan itu berkemungkinan boleh memprovokasi orang itu untuk menyebabkan kemudaratan kepada dirinya atau kepada mana-mana orang lain. Hukuman bagi kesalahan yang dicadangkan itu ialah pemenjaraan bagi suatu tempoh yang boleh dilanjutkan hingga satu tahun atau denda atau kedua-duanya. Subseksyen ini juga memperuntukkan bahawa jika orang yang diprovokasi sedemikian cuba untuk membunuh diri atau membunuh diri akibat daripada provokasi itu, hukuman bagi kesalahan yang dicadangkan itu ialah pemenjaraan bagi suatu tempoh yang boleh dilanjutkan hingga sepuluh tahun atau denda atau kedua-duanya.

Subseksyen baharu 507E yang dicadangkan bertujuan untuk menjadikan suatu kesalahan bagi mana-mana orang yang, dalam apa-apa cara atau melalui apa-apa kaedah, menyiaran, mengedarkan atau menjadikan tersedia atau menyebabkan disiarkan, diedarkan, atau dijadikan tersedia, apa-apa maklumat identiti seseorang dengan niat untuk menyebabkan, atau dengan mengetahui atau patut mengetahui bahawa penyiaran, pengedaran atau ketersediaan itu berkemungkinan menyebabkan gangguan, distres, ketakutan atau kebimbangan kepada orang itu. Hukuman bagi kesalahan yang dicadangkan itu ialah pemenjaraan bagi suatu tempoh yang boleh dilanjutkan hingga tiga tahun atau denda atau kedua-duanya.

Subseksyen baharu 507F(1) yang dicadangkan bertujuan untuk menjadikan suatu kesalahan bagi mana-mana orang yang, dalam apa-apa cara atau melalui apa-apa kaedah, menyiaran, mengedarkan atau menjadikan tersedia atau menyebabkan disiarkan, diedarkan, atau dijadikan tersedia, apa-apa maklumat identiti seseorang dengan niat untuk menyebabkan, atau dengan mengetahui atau patut mengetahui bahawa penyiaran, pengedaran atau ketersediaan itu akan menyebabkan orang itu percaya bahawa kemudaratan akan menimpa dirinya atau orang berkaitan dengannya. Hukuman bagi kesalahan yang dicadangkan itu ialah pemenjaraan bagi suatu tempoh yang boleh dilanjutkan hingga satu tahun atau denda atau kedua-duanya.

Subseksyen baharu 507F(2) yang dicadangkan bertujuan untuk menjadikan suatu kesalahan bagi mana-mana orang yang, dalam apa-apa cara atau melalui apa-apa kaedah, menyiaran, mengedarkan atau menjadikan tersedia atau menyebabkan disiarkan, diedarkan atau dijadikan tersedia, apa-apa maklumat identiti seseorang dengan niat untuk memudahkan, atau dengan mengetahui atau patut mengetahui bahawa penyiaran, pengedaran atau ketersediaan itu berkemungkinan memudahkan, kemudaratan menimpa orang itu atau orang berkaitan dengannya. Hukuman bagi kesalahan yang dicadangkan itu ialah pemenjaraan bagi suatu tempoh yang boleh dilanjutkan hingga satu tahun atau denda atau kedua-duanya.

Seksyen baharu 507G yang dicadangkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi takrif “kemudaran” bagi maksud seksyen baharu 507D dan 507F Akta 574 yang bererti kemudaran kepada badan, minda, reputasi atau harta benda seseorang, termasuk kemudaran psikologikal. Seksyen baharu ini juga mengadakan peruntukan bagi takrif “maklumat identiti” bagi maksud seksyen baharu 507E dan 507F Akta 574. “Maklumat identiti” ditakrifkan sebagai apa-apa maklumat yang mengenal pasti seseorang atau berupa untuk mengenal pasti seseorang. Seksyen ini selanjutnya mengadakan peruntukan bagi takrif “orang berkaitan” bagi maksud seksyen baharu 507F Akta 574. “Orang berkaitan” ditakrifkan, berhubung dengan seseorang, sebagai mana-mana orang yang keselamatan atau kesejahteraannya menjadi kebimbangan yang dijangkakan secara munasabah orang yang mula-mula disebut itu.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)3402]